



Payment for older Australians

Age Pension memberi sokongan pendapatan dan membuka pelbagai konsesi untuk warga emas Australia. Bantuan yang diberikan termasuk Pensioner Concession Card (Kad Konsesi Pesara). Dengan kad ini, anda mendapat rawatan kesihatan yang lebih murah dan diskaun untuk beberapa barangan dan perkhidmatan. Beberapa peraturan perlu dipatuhi untuk menerima Age Pension.

Peraturan umur

Jika lahir sebelum 1 Julai 1955, anda telah mencapai umur Age Pension.

Pada 1 Julai 2021, Age Pension dinaikkan menjadi 66 tahun 6 bulan bagi mereka yang lahir dari 1 Julai 1955 hingga 31 Disember 1956, termasuk kedua-dua tarikh.

Jika lahir pada atau selepas 1 Januari 1957, umur Age Pension anda adalah 67 tahun.

Peraturan mastautin

Untuk mendapat Age Pension, anda mesti mematuhi peraturan mastautin.

Pada hari membuat tuntutan, anda mestilah:

- penduduk Australia, dan
- berada di Australia.

Penduduk Australia ertinya orang yang tinggal di Australia dan warganegara Australia atau pemegang visa tetap atau visa Special Category yang dilindungi.

Anda juga perlu menjadi penduduk Australia sekurang-kurangnya 10 tahun untuk layak menerima Age Pension. Selama sekurang-kurangnya 5 daripada 10 tahun tersebut, anda mesti tinggal di sini terus menerus.

Apakah yang mungkin berbeza?

Anda mungkin boleh mendapat Age Pension walaupun kurang 10 tahun menjadi penduduk Australia. Contohnya, jika anda:

- orang pelarian atau bekas pelarian
- wanita yang pasangannya meninggal semasa anda berdua penduduk Australia dan anda sudah 2 tahun menjadi penduduk Australia sejurus sebelum memohon Age Pension.

Jika tidak memenuhi peraturan mastautin tetapi tinggal atau bekerja di negara yang ada perjanjian keselamatan sosial dengan Australia, perjanjian itu boleh membantu anda membuat tuntutan.

Anda tidak perlu mastautin di Australia atau berada di Australia pada hari memohon pindah daripada bayaran sokongan pendapatan lain kepada Age Pension.

Memohon Age Pension

Anda boleh memohon Age Pension dalam talian melalui akaun Centrelink.

Anda juga boleh pergi ke service centre (pusat perkhidmatan). Anda perlu melengkapkan borang tuntutan serta borang pendapatan dan aset. Anda mungkin perlu memberi kami beberapa borang tambahan dan dokumen lain yang diminta.

Jika bukti pengenalan diri belum ada pada kami, anda perlu pergi ke service centre dan menunjukkan dokumen pengenalan.

Jika sudah mendapat bayaran Centrelink

Kami akan menulis surat 13 minggu sebelum anda mencapai umur Age Pension dan memberitahu anda perkara yang dapat dilakukan untuk pindah ke Age Pension.

Perubahan situasi diri anda

Kami perlu tahu apa-apa perubahan yang dapat mengurangkan bayaran kepada anda. Anda perlu memberitahu kami perubahan itu dalam masa 14 hari. Contohnya, anda mesti beritahu kami jika:

- berpindah alamat
- pendapatan anda dan/atau pasangan anda meningkat
- nilai aset meningkat atau pelaburan berubah bagi anda dan/atau pasangan anda
- anda dan pasangan anda tidak lagi tinggal bersama
- anda berkahwin atau memulakan hidup dengan pasangan baru
- pasangan anda meninggal dunia
- anda berpindah ke luar negara Australia dan tinggal di sana
- anda pergi ke luar negara untuk percutian.

Anda boleh memberitahu kami perubahan ini melalui khidmat layan diri kami. Pastikan butiran diri anda dikemas kini di myGov.

Jika kami tidak diberitahu tentang perubahan ini, kami mungkin membayar berlebihan. Jika ini berlaku, anda mungkin perlu membayar balik wang tersebut.

Jika sengaja tidak memberitahu kami perubahan tersebut, anda boleh didakwa menipu.

Untuk penerangan lanjut

- Layari servicessaustralia.gov.au/age-pension untuk penerangan lanjut dalam bahasa Inggeris.
- Layari servicessaustralia.gov.au/yourlanguage untuk membaca, mendengar atau menonton penerangan dalam bahasa anda.
- Hubungi **131 202** untuk bertanya dalam bahasa anda sendiri tentang bayaran dan perkhidmatan Centrelink.
- Hubungi **132 011** untuk Medicare dan **131 272** untuk Child Support (Sara Hidup Kanak-kanak). Beritahu kami jika memerlukan jurubahasa. Kami akan sediakan secara percuma.
- Pergilah ke service centre.

Perhatian: panggilan daripada telefon rumah anda ke nombor '13' dari mana-mana di Australia dikenakan bayaran pada kadar tetap. Kadar itu mungkin berbeza dengan kadar panggilan tempatan dan mungkin juga berbeza-beza antara satu pembekal khidmat telefon dengan yang lain. Panggilan ke nombor '1800' daripada telefon rumah adalah percuma. Panggilan daripada telefon bimbit mungkin dikenakan bayaran mengikut masa pada kadar lebih tinggi.

Penafian

Maklumat yang terkandung dalam penerbitan ini hanya bertujuan sebagai panduan bayaran dan perkhidmatan. Anda bertanggungjawab untuk memutuskan sama ada memohon bayaran dan membuat permohonan berkaitan dengan keadaan tertentu anda.



Payment for older Australians

Age Pension provides income support and access to a range of concessions for older Australians. This includes a Pensioner Concession Card. This card gives you cheaper health care and discounts for some goods and services. There are rules you need to meet to be able to get Age Pension.

Age rules

If you were born before 1 July 1955, you have reached Age Pension age.

On 1 July 2021, Age Pension age increased to 66 years and 6 months for people born from 1 July 1955 to 31 December 1956 inclusive.

If you were born on or after 1 January 1957, your Age Pension age is 67.

Residence rules

To get Age Pension you must meet residence rules.

On the day you claim, you must be:

- an Australian resident, and
- in Australia.

An Australian resident is a person who is living in Australia and is either an Australian citizen or the holder of a permanent visa or protected Special Category visa.

You also need to have been an Australian resident for at least 10 years to qualify for Age Pension. For at least 5 of these years, there must be no break in your residence.

What may be different?

You may be able to get Age Pension if you have been an Australian resident for less than 10 years. For example, if you are:

- a refugee or former refugee
- a woman whose partner died while you were both Australian residents and you have been an Australian resident for 2 years immediately before claiming Age Pension.

If you do not meet the residence rules but you have lived or worked in a country that has a social security agreement with Australia, the agreement may help you to claim.

You do not need to be an Australian resident or in Australia on the day you apply to transfer to Age Pension from another eligible income support payment.

Claiming Age Pension

You can claim Age Pension online through your Centrelink online account.

You can also visit a service centre. You will need to complete a claim form and an income and assets form. You may need to give us some extra forms and any other documents we have asked for.

Unless we already have proof of who you are, you will need to visit a service centre and show your identity documents.

If you already get a Centrelink payment

We will write to you 13 weeks before you reach Age Pension age and tell you what you can do to transfer to Age Pension.

Changes in your circumstances

We need to know about any changes that could reduce your payment. You need to tell us within 14 days about any changes. For example, you must tell us if:

- your address changes
- you and/or your partner increase your income
- you and/or your partner increase the value of your assets or your investments change
- you stop living with your partner
- you marry or start living with your partner
- your partner dies
- you go to live outside Australia
- you travel overseas for a holiday.

You can tell us your changes through our self service options. Make sure your details are up to date on myGov.

If you do not tell us about these changes, we may pay you too much. If this happens you may have to pay the money back.

If you do not tell us about changes on purpose, we could charge you with fraud.

For more information

- Go to servicessaustralia.gov.au/age-pension for more information in English.
- Go to servicessaustralia.gov.au/yourlanguage where you can read, listen to or watch information in your language.
- Call **131 202** to speak with someone in your own language about Centrelink payments and services.
- Call **132 011** for Medicare and **131 272** for Child Support. Let us know if you need an interpreter, and we will arrange one for free.
- Visit a service centre.

Note: calls from your home phone to '13' numbers from anywhere in Australia are charged at a fixed rate. That rate may vary from the price of a local call and may also vary between telephone service providers. Calls to '1800' numbers from your home phone are free. Calls from mobile phones may be timed and charged at a higher rate.

Disclaimer

The information contained in this publication is intended only as a guide to payments and services. It is your responsibility to decide if you wish to apply for a payment and to make an application with regard to your particular circumstances.